

IPOH,  
Khamis

DEAM pemilihan ahli jawatankuasa UMNO bahagian di setengah tempat di Perak telah bermula sebagai menghadapi mesyuarat perwakilan bahagian tahun depan.

Pemerhati politik berpendapat, mesyuarat perwakilan bahagian tahun depan dijangka hebat dan menarik kerana pilihanraya umum di bawah pimpinan Perdana Menteri baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mungkin diadakan lebih awal — antara Mei atau Ogos tahun depan.

Yang demikian tentulah ramal antara ahli-ahli UMNO yang ghalirah untuk menjadi calon dan untuk membolehkan mereka mencapai hasrat ini ialah dengan memegang jawatan penting di peringkat bahagian.

## Menarik

Tidak dapat dinafikan daripada 21 bahagian di Perak tumpuan umum ialah di empat bahagian UMNO di Lembah Kinta.

Ini ialah kerana begitu ramai cerdik pandai sama ada dari bidang perniagaan atau pegawai kanan kerajaan dan swasta yang menggotai UMNO melalui Bahagian-bahagian Menglembu, Kinta, Ipoh dan Batu Gajah.

Di Bahagian Menglembu yang dipimpin oleh Haji Ahmad Azizuddin Haji Zainal Abidin, yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, umpamanya pada satu ketika pernah dikuasai oleh sekumpulan intelek.

# Demam pilihan j-kuasa bermula

Bagaimanapun, selepas pemilihan tahun lalu, bahagian itu kini dikuasai semula oleh tokoh-tokoh lama dan baru.

Pemerhati politik berpendapat pemilihan di Bahagian Menglembu kali ini dijangka lebih menarik kerana semangat beberapa orang pemimpin di masa lalu telah menunjukkan hasrat ingin berkecimpung semula di arena politik UMNO.

Salah seorangnya ialah Haji Yahya Shafie, seorang graduan dan kini pelombong tempatan yang menarik diri dari mengekalkan jawatan Naib Ketua UMNO Bahagian dalam pemilihan tahun lalu.

Pengaruh beliau sejak akhir-akhir ini dikatakan begitu memberi pengaruh dan berkemungkinan mencontohi sikap Allahyarham Encik Osman Datuk Setia Nordin, bekas Timbalan Ketua UMNO Bahagian yang meninggal, baru-baru ini.

Muka-muka baru berkemungkinan juga

ditonjolkan di Bahagian Kinta, umpamanya terdapat Pengerusi MARA, Dr. Nawawi Mat Awin yang sekarang Timbalan Ketua UMNO Bahagian.

Beliau dijangka mengekalkan jawatan yang disandangnya sekarang memandangkan pengaruh bekas penghulu, Megat Amir Megat Yahya selaku Ketua UMNO Bahagian begitu menggalakkan.

Di Bahagian Ipoh pula, Timbalan Ketua Bahagian, Encik Azmi Tak, seorang pengurus dengan Keramat Tin di Pusing mungkin mencuba lagi untuk merebut jawatan Ketua UMNO Bahagian walaupun pernah tewas di tangan tokoh politik veteran yang berpengaruh, Datuk Ismail Abdul Majid, tahun lalu.

Di Bahagian Batu Gajah, juga dijangka hebat kerana terdapat ura-ura seorang tokoh muda mungkin mementang Ketua UMNO Bahagian sekarang, Encik Abas Samad.